

PM ulangi komitmen jaga kebajikan semua kaum

BH-14/11/2021 m/s: 14

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengulangi komitmen kerajaan untuk menjaga kebajikan semua kaum di negara ini bagi memastikan tiada yang tersisih, termasuk komuniti India.

Dalam Bajet 2022, Perdana Menteri berkata, kerajaan memperuntukkan RM145 juta bagi memperkasa sosioekonomi komuniti India di bawah Unit Transformasi Masyarakat India dan dana pembiayaan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India oleh Tekun Nasional.

Selain itu, katanya, kerajaan

memperuntukkan RM50 juta bagi kerja pembaikan penyelenggaraan dan pembangunan kecil rumah ibadat di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pelaksanaan aktiviti komuniti dengan kerjasama pengurusan rumah ibadat dan penduduk setempat.

“Konsep Keluarga Malaysia fokus kepada nilai kebersamaan, keterangkuman dan kesyukuran yang menjadi benih mencambahkan penyatuan rakyat selama ini.

“Nilai murni ini turut ditekankan dalam setiap agama dan menjadi tanggungjawab kita un-

tuk mempertahankannya demi keharmonian, kemakmuran dan kemajuan negara,” katanya.

Berucap pada Majlis Rumah Terbuka Malaysia Deepavali 2021 di sini malam tadi, Ismail Sabri berkata, perayaan berkenaan disambut penuh meriah dalam semangat Keluarga Malaysia yang bersifat lebih inklusif, merentas sempadan agama, budaya dan kaum.

Walaupun terdiri daripada pelbagai kaum mengamalkan agama, bahasa dan budaya berlainan, katanya, semangat perpaduan dan kerjasama diamalkan membolehkan semua hidup

dalam aman sejahtera, malah menjadikan rakyat negara ini masyarakat kaya dengan budaya serta faktor penyatu yang dikagumi masyarakat luar.

“Berbanding tahun lepas, Deepavali tahun ini disambut lebih meriah dalam suasana norma baharu.

“Ramai juga yang mengambil peluang untuk pulang ke kampung halaman bertemu sanak saudara selepas kerajaan membenarkan rentas negeri pada 11 Oktober lalu.

“Ini hasil kejayaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang membolehkan

rakyat menikmati kelonggaran sektor ekonomi dan sosial secara berperingkat setelah tahap vaksinasi golongan dewasa mencapai 95.1 peratus sehingga semalam.

“Kerjasama erat semua pihak, termasuk antara kerajaan dan rakyat juga telah memungkinkan perhimpunan seperti ini diadakan,” katanya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh rakyat Malaysia atas sokongan, kepercayaan dan keyakinan penuh kepada kerajaan untuk memulihkan negara dalam masa sangat mencabar ini.